



30.5.2019

KENYATAAN MEDIA OLEH

YAB TUAN CHOW KON YEOW,

PENGERUSI, PBA HOLDINGS BHD

PBA HOLDINGS BHD BERI DIVIDEN UNTUK 18 TAHUN BERTURUT-TURUT

- **Keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM36.137 juta bagi tahun 2018.**
- **AGM meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 1.75 sen sesaham. Sejumlah RM5.79 juta akan dibayar kepada 8,328 pemegang saham.**
- **Tunai dan kesamaan tunai berjumlah RM182.48 juta.**
- **Keuntungan terkumpul berjumlah RM368.31 juta.**

PULAU PINANG, Khamis, 30.5.2019: Mesyuarat agung tahunan ke-19 (AGM) PBA HOLDINGS BHD (PBAHB) telah meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham bagi tahun kewangan 2018.

Dengan kelulusan itu, PBAHB (rujukan saham: PBA – 5041) akan membayar RM5.79 juta kepada 8,328 pemegang saham.

Sehubungan itu, jumlah dividen yang dibayar dan diisytiharkan oleh PBAHB untuk TK2018 berjumlah 3.5 sen sesaham. Pada 11.1.2019, syarikat telah membayar dividen interim pertama sebanyak 1.75 sen sesaham.

PBAHB disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada tahun 2002 dan sejak itu telah membayar dividen.

Oleh itu, 2019 menandakan PBAHB telah memberi dividen kepada pemegang saham untuk 18 tahun berturut-turut .

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2018

Petikan penyata pendapatan komprehensif PBAHB untuk 2018 ditunjukkan dalam jadual berikut:

Butiran		2018 (RM juta)	2017 (RM juta)
1	Pendapatan	334.758	312.353
2	Kos jualan	(238.716)	(225.754)
3	Pendapatan operasi lain	23.124	25.136
4	Perbelanjaan pentadbiran	(83.030)	(70.763)
5	Bahagian hasil daripada ekuiti - sumbangan usahasama	0.001	(0.036)
6	Keuntungan Sebelum Cukai (PBT)	36.137	40.936

Ringkasnya, PBAHB mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) RM36.137 juta pada 2018, berbanding RM40.936 juta pada tahun 2017.

Walaupun pendapatan syarikat meningkat sebanyak 7.17% tahun ke tahun, kos jualan meningkat sebanyak 5.74% dan perbelanjaan pentadbiran naik sebanyak 17.34%.

Pendapatan PBAHB diperolehi terutamanya daripada penjualan air minuman di Pulau Pinang oleh anak syarikat utamanya, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Perlu diingatkan bahawa PBAPP menawarkan tarif air domestik yang paling rendah di Malaysia pada tahun 2018, dengan purata RM0.32 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama sebulan, berbanding purata kebangsaan sebanyak RM0.69 setiap 1,000 liter pada 2017.

Dengan mengekalkan tarif domestik terendah di Malaysia, PBAPP menanggung subsidi tarif domestik sebanyak RM71.74 juta pada tahun 2018. Tanpa subsidi ini, keuntungan PBAHB untuk tahun 2018 akan meningkat dengan ketara.

Selain itu, purata tarif air perniagaan Pulau Pinang untuk 500,000 liter pertama sebulan pada 2018 adalah RM1.36 bagi setiap 1,000 liter, berbanding dengan purata nasional sebanyak RM1.74 bagi setiap 1,000 liter pada 2017.



Paling penting, PBAPP menyediakan perkhidmatan bekalan air yang berterusan kepada 1.77 juta orang dan beribu-ribu perniagaan, 24/7 pada 2018, tanpa sebarang catuan air.

Oleh itu, 2018 merupakan tahun yang berjaya bagi PBAHB dan PBAPP dalam menyediakan perkhidmatan awam yang penting; serta dalam mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh.

Sehingga 31.12.2018, PBAHB memegang tunai dan kesamaan tunai bernilai RM182.48 juta manakala keuntungan terkumpulnya berjumlah RM368.31 juta.

Dengan pertimbangan-pertimbangan ini, AGM hari ini meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my